

SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A.2017/10/72(HQ)

PEMBAYARAN DIVIDEN TERTINGGI RM3.5 BILION

12 bulan berakhir 31 Ogos 2017 (TK2017)

- Keuntungan Selepas Cukai merosot 5.6% kepada RM6.91 bilion [TK2016: RM7.32 bilion] disebabkan Peningkatan Kos Kewangan dan Cukai
- EBITDA meningkat kepada RM15.47 bilion daripada RM14.79 bilion
- Sejumlah RM1.6 bilion dipulangkan kepada pelanggan dalam bentuk rebat hasil mekanisme Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) pada TK2017

Tenaga Nasional Berhad (TNB) mencatatkan penurunan Keuntungan Selepas Cukai (PAT) sebanyak 5.6% kepada RM6.91 bilion untuk tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2017 (TK2017) daripada RM7.32 bilion dalam tempoh yang sama tahun 2016, terutamanya kepada peningkatan kos kewangan dan cukai

Peningkatan kos kewangan 40.1% dibandingkan dengan TK2016 adalah disebabkan faedah yang dibayar kepada pihak Kerajaan mengikut Dana Simpanan Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) bernilai RM0.13 bilion, dan faedah Program Sukuk yang terakru berjumlah RM0.10 bilion. Peningkatan cukai, terutamanya berpunca dari kenaikan perbelanjaan cukai tertunda turut memberikan impak kepada PAT. Dari segi permintaan unit elektrik TK2017 hanya mencatatkan kenaikan 1.0%.

Perbelanjaan modal bagi TK2017 bernilai RM12.06 bilion berbanding RM11.39 bilion dan RM10.77 bilion dilaburkan masing-masing pada TK2016 dan TK2015. Dari jumlah itu, sebanyak RM5.4 bilion perbelanjaan modal adalah bagi dua projek penjanaan dengan kapasiti berjumlah 3,000MW. Satu daripada projek berkenaan, Janamanjung 5 dengan kapasiti 1,000MW telah berjaya beroperasi secara komersial pada 28 September 2017. Pelaburan ini adalah selaras dengan matlamat menjadi negara berpendapatan tinggi pasca 2020 yang menuntut rezab marjin

yang mencukup. Pelaburan ini juga akan mengukuhkan penyata kewangan Kumpulan dengan nilai asas Aset Kumpulan meningkat kepada RM142.01 bilion pada 31 Ogos 2017.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Seri Ir. Azman Mohd berkata; "TNB akan berterusan mengeluarkan sejumlah perbelanjaan modal bagi menjamin bekalan elektrik yang cekap, berdaya harap dan selamat. Ekoran itu, Index Gangguan 64.2 minit bagi setiap pelanggan pada 2013 telah menurun kepada 50.2 tahun ini, sekali gus menunjukkan peningkatan yang ketara dari segi daya harap bekalan dan setanding dengan negara-negara maju."

Pelaksanaan mekanisme Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) oleh Kerajaan pada Januari 2014 telah memberikan lebih kepastian ke atas pendapatan TNB dalam perniagaan yang dikawal selia. PAT daripada perniagaan dikawal selia di bawah rangka kerja IBR yang melibatkan Penghantaran dan Pembahagian mencatatkan sejumlah RM4.50 bilion untuk TK2017. Ini telah membolehkan syarikat berada dalam kedudukan yang lebih kukuh serta dapat berkongsi faedah dengan para pelanggan dan pemegang saham melalui rebat ICPT dan dividen.

Datuk Seri Ir. Azman Mohd berkata "Bagi tempoh kawal selia pertama, kami telah memberikan RM4.30 bilion kepada 9.0 juta pelanggan kami dalam bentuk rebat sejak Mac 2015, hasil penjimatan kos penjanaan melalui mekanisme IBR."

Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie berkata TNB telah menyemak semula dasar dividennya dengan nisbah pembayaran dividen 30% - 60% daripada Profit after Tax and Minority Interests (PATAMI).

"Bagi TK2017, jumlah pembayaran dividen yang disyorkan adalah 50% daripada PATAMI iaitu hampir dua kali ganda berbanding TK2016 sekali gus, pembayaran dividen tertinggi setakat ini. Kami akan terus memaksimumkan nilai para pemegang saham melalui pembayaran dividen yang konsisten dan berkekalan. Dividen RM3.5 bilion ini bukan sahaja memberi manfaat secara langsung kepada para pemegang saham TNB seperti KWSP, PNB, KWAP dan Lembaga Tabung Haji, dan yang lebih penting, ia juga akan memberi manfaat kepada Rakyat sebagai pemegang akaun institusi-institusi tersebut."

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) mengunjurkan prospek pertumbuhan 2018 kekal antara 4.7% hingga 5.3%, dengan semakan fokus pertumbuhan 2017 meningkat kepada paras 5.4%. Ini berdasarkan petunjuk peningkatan prestasi indeks perkilangan dan subsektor yang berorientasikan eksport pada separuh pertama tahun 2017.

Oleh itu, adalah dijangka pertumbuhan unit permintaan elektrik akan stabil. Pelaksanaan IBR yang berterusan pula, juga membolehkan jangkaan pendapatan lebih baik untuk TNB berikutan pengurangan risiko kos bahan api.

Sehubungan itu, Lembaga Pengarah berpendapat prospek Kumpulan kekal stabil untuk Tahun Kewangan 2018.

Bagi tahun kewangan berakhir 31hb Ogos 2017, dividen peringkat akhir yang disyorkan adalah 44.0 sen, berjumlah 61.0 sen sesaham biasa bagi TK2017. Pada TK2016, jumlah dividen ialah 32.0 sen sesaham biasa.

Jumlah dividen akhir tertakluk kepada kelulusan para pemegang saham TNB pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang. Tarikh Penutupan dan Bayaran Buku akan diumumkan pada masa akan datang.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 26 Oktober 2017 pada jam 6.00ptg

*Sila majukan sebarang pertanyaan media kepada Nor Hanim Idris at 019-2617617 /
Datuk Omar Sidek at 013-3418988 atau emel ke media@tnb.com.my*

Paparan Keputusan Kewangan

RM' Juta	12-bulan Berakhir August	
	<u>TK2017</u>	<u>TK2016</u>
Jumlah Pendapatan	47,416.9	44,531.5
Perbelanjaan Operasi	(39,074.2)	(36,171.0)
Lain-Lain Pendapatan Operasi	1,021.3	711.5
Lebihan Operasi (EBIT)	<u>9,364.0</u>	<u>9,072.0</u>
Kos Kewangan	(1,456.0)	(1,039.3)
Kerugian Translasi Tukaran Wang Asing	(13.7)	(390.0)
Keuntungan Bersih (Sebelum Kerugian Translasi Tukaran Wang Asing)	6,917.7	7,757.6
Keuntungan Bersih Yang Diagihkan Kepada Pemilik Syarikat	6,904.0	7,367.6
Pendapatan Sesaham	122.00 sen	130.55 sen

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Aktiviti teras TNB meliputi bidang penjanaan, penghantaran, dan pembahagian tenaga elektrik. Di samping merupakansyarikat penjana elektrik utama Negara, TNB turut menghantar dan membahagikan elektrik ke seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Ogos 2017, TNB membekalkan elektrik kepada 9.2 juta pelanggan.

Melalui anak-anak syarikatnya, TNB turut terlibat dalam aktiviti pembuatan alatubah, perkakas suis dan kabel bervoltan tinggi; perkhidmatan perundingan professional, pembinaan, operasi dan penyenggaraan kemudahan penyjukan daerah, peralatan penjanaan, pembaikan dan penyenggaraan, perkhidmatan pembekalan bahan api; perkhidmatan berkaitan tenaga boleh baharu, kecekapan tenaga dan kualiti kuasa; pengajian tinggi dan latihan kemahiran serta menjalankan kajian dan pembangunan (R&D).

Sebagai pembekal tenaga elektrik yang bersepadu, TNB telah dan akan meneruskan peranan pentingnya dalam menggerak kemajuan Negara.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web www.tnb.com.my